



جَابِتْرُقْدِيْدِيْقِن كَرِي قَدَح دَرَاهِلْ اَمَان

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM
05604 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN



No. TELEFON : 04-740 4000
No. FAKS : 04-740 4342
LAMAM WEB : www.jpn.moe.gov.my/jpnkedah

“MUAFAKAT KEDAH”

Ruj. Kami : JPK.SKPP.UNP.S.500-3/20/5 (28)
Tarikh : 21 November 2016

**Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Semua Pengetua Sekolah Menengah
Semua Guru Besar Sekolah Rendah
Negeri Kedah Darul Aman**

Tuan/Puan,

PENILAIAN PRESTASI BAGI GURU SANDARAN / GURU INTERIM DALAM PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia KPMSP.500-5/5/1 (100) bertarikh 14 Oktober 2016 berkaitan perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu perlu diperjelaskan bahawa Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) hanya melibatkan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran sama ada secara tetap atau pun kontrak. Berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Pelajaran Malaysia Bil. 1 Tahun 2007, **Guru Sandaran (Guru Interim), Guru Sandaran Terlatih dan Guru Sandaran Tidak Terlatih terdiri daripada guru yang belum atau pun bukan dilantik oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.** Oleh yang demikian, semua guru bawah kategori tersebut tidak dinilai menggunakan **PBPPP**. Sekiranya terdapat keperluan bagi penilaian prestasi terhadap guru tersebut, Ketua Jabatan boleh menggunakan penilaian sedia ada iaitu Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT).

3. Hasil semakkan Bahagian Pembangunan Dan Penilaian Kompetensi (BPPK) mendapati terdapat sejumlah guru dalam kategori tersebut yang telah dibuat penetapan Pegawai Penilai dan dinilai pada prestasi pertama. Oleh yang demikian, pihak BPPK akan menggugurkan nama guru tersebut daripada sistem e-prestasi.

4. Sebarang pertanyaan tentang perkara ini, bolehlah dirujuk kepada Urus Setia PPSM, Jabatan Pendidikan Kedah iaitu Encik Fandi Bin Shamsudin di talian 04 7404145 dan Encik Mohd Sobri Bin Zakaria di talian 04 7404148.



5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan berikan sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.


Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MUAFKAT KEDAH”

“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”

Saya yang menurut perintah,



(HAJI SOFARUDDIN BIN HAJI ISMAIL)

Timbalan Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Kedah Darul Aman